



Kolokium PEMADAM IPT 2003



Kolokium yang terbesar di peringkat IPT ini telah diadakan selama 3 hari bermula daripada 18 hingga 20 Oktober 2003 di Dewan Wawasan, Jitra, Kedah. Ia adalah anjuran bersama PEMADAM Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan melibatkan penyertaan seramai 5,000 pelajar IPTA/IPTS dari seluruh Malaysia. Majlis perasmianya telah diadakan pada 19 Oktober 2003 dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Antara tetamu kehormat lain yang turut hadir ke majlis perasmian tersebut ialah YAB Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis, YAB Dato' Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Kedah. YB Dato' Hj. Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Dalam Negeri, merangkap Yang DiPertua PEMADAM Kebangsaan dan juga Yang Berbahagia Profesor Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM selaku Pengerusi Biro Pendidikan Pencegahan di IPT & Kelab PEMADAM.

Pada majlis perasmian ini juga, para peserta telah berikrar untuk berusaha bersungguh-sungguh

dalam menghapuskan gejala penyalahgunaan dadah di pusat pengajian masing-masing. Ini jelas apabila bukan hanya digambarkan dengan bacaan ikrar tetapi setiap peserta turut menandatangani buku ikrar dan diserahkan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri. Semua tetamu juga turut mengambil kesempatan melawat ke tapak pameran mengenai dadah yang diadakan di sepanjang berlangsungnya kolokium ini.

Kolokium ini antara lain bertujuan untuk melahirkan para pelapis pemimpin masa depan yang berdaya saing dalam pelbagai bidang serta membentuk peribadi pelajar yang murni dan cemerlang. Ia juga diharap dapat memberi kesedaran kepada mereka tentang bahaya penggunaan dadah di kalangan siswa/i. Selaras dengan tema kolokium pada kali ini iaitu "Ke Arah Mahasiswa Bebas Dadah 2010", masalah penyalahgunaan dadah pada alaf ini dilihat semakin mencabar dan berkehendakkan strategi yang menyeluruh untuk menanganiinya.

Kolokium ini telah diisi dengan pelbagai program bagi melahirkan kesedaran Pencegahan dadah yang komprehensif dan berterusan di kalangan siswa/i. Antara program-program tersebut ialah sesi ceramah, forum, tayangan video dan sebagainya.

Penganjuran kolokium seumpama ini dilihat sebagai salah satu usaha untuk menyokong dan mendukung dasar-dasar kerajaan dalam gerakan Pencegahan dadah, khusus sekali dalam tahun 2003 sebagai Tahun Memerangi Dadah Habis-habisan dan seterusnya Negara Bebas Dadah 2015. Ia juga seharusnya diteruskan dan ditingkatkan dari masa ke masa demi membentuk siswa/i yang mengamalkan budaya positif dan mampu membina ketahanan yang tinggi dari segi mental, fizikal serta spiritual.